

Isu-isu MyQUEST

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Adakah pihak kolej boleh memasukkan <i>scholarship</i> yang diberikan oleh pihak pengurusan kolej yang dianugerahkan kepada pelajar-pelajar yang 'Excellent'?	Tidak boleh. <i>Internal Scholarship</i> tidak diterima dalam penilaian MyQUEST kerana hanya <i>external scholarship</i> yang diambil kira. Perkara ini telah dijelaskan dan boleh dirujuk dalam <i>glossary</i> yang dikeluarkan untuk panduan pihak kolej.
2.	Pihak kolej mempunyai program yang akan tamat tempoh pada Oktober 2015 dan tidak berhasrat memperbaharui kelulusannya bila tamat nanti. Selain itu, program juga sudah tiada pelajar pada 2014 yang lalu. Adakah program tersebut boleh dikecualikan dalam senarai program yang perlu dikemaskini dalam sistem MyQUEST ?	Tidak boleh. Semua program pengajian yang masih dalam tempoh sah laku sebagaimana dalam surat kelulusan program oleh KPM, ia wajib disenaraikan dalam senarai program di sistem MyQUEST walaupun kursus tersebut berstatus tiada akreditasi atau tiada pelajar.
3.	Kolej kami telah diberi kelulusan naik taraf kepada Kolej Universiti dan sekarang sedang menunggu kelulusan pendaftaran Kolej Universiti di KPM. Perlukah pihak kami memasukkan atau mengemaskini data MyQUEST?	Sekiranya kelulusan naik taraf telah diterima, maka kolej tidak perlu lagi menyertai MyQUEST.
4.	Pihak kolej mempunyai 4 buah program pengajian yang mana satu daripadanya telah mendapat maklumbalas dari pihak MQA bagi kelulusan Akreditasi Penuh tetapi Sijil Perakuan Akreditasi Penuh tersebut belum diterima dan sedang dalam proses. Manakala program yang selebihnya masih di bawah Perakuan Akreditasi Sementara. Adakah kolej kami layak untuk mendaftar dan menyertai MyQUEST?	Syarat kelayakan yang ditetapkan bagi sesebuah kolej layak menyertai MyQUEST adalah kolej perlu mempunyai sekurang-kurangnya 1 kohort pelajar bergraduan dari mana-mana program. Maka, sama ada program yang ditawarkan telah ada akreditasi atau belum tidak akan memberi kesan terhadap kelayakan penyertaan sesebuah kolej dalam Penarafan MyQUEST.
5.	Bagi Penarafan MyQUEST 2014/2015, adakah hanya data 2014 sahaja perlu dimasukkan ke dalam sistem atau termasuk data sebelumnya?	Penarafan MyQUEST 2014/2015 akan merujuk kepada data-data terkumpul sepanjang tahun 2014 sahaja kecuali beberapa data tertentu seperti Profit & Loss dan Kemasukan Pelajar.
6.	Adakah kolej boleh menarik diri dari menyertai penarafan?	Ya. Penyertaan dalam Penarafan MyQUEST adalah secara sukarela. Sekiranya pihak kolej berhasrat menarik diri, surat makluman rasmi kepada KPM perlu dikemukakan.
7.	Sekiranya data-data telah dimasukkan ke dalam sistem MyQUEST, tetapi pihak kolej tidak bersedia untuk diaudit, adakah kolej boleh memohon pengecualian audit?	Ya. Namun pengecualian audit bermaksud pengecualian penarafan. Sebelum audit penarafan dilaksanakan, proses saringan kelayakan akan dibuat dan kolej akan dimaklumkan berhubung jadual audit. Pada ketika ini, sekiranya pihak kolej memohon

		pengecualian audit, ia dibenarkan tetapi perlu melalui surat rasmi ke KPM dan Kolej akan disenaraikan dalam senarai kolej menarik diri dari menyertai penarafan MyQUEST.
8.	Kolej kami baru ditubuhkan pada 2012 dan masih belum ada pelajar yang bergraduan. Adakah kami dibenarkan untuk kemaskini data ke dalam sistem MyQUEST?	Ya. Kemaskini data ke dalam sistem MyQUEST adalah terbuka kepada semua IPTS bertaraf kolej. Walaupun tidak berhasrat menyertai penarafan atau belum memenuhi syarat kelayakan penyertaan, pihak kolej amat digalakkan memasukkan/mengemaskini data untuk tujuan penilaian sendiri dan kefahaman gunapakai sistem sebagai persediaan penilaian tahun yang akan datang.
9.	Kohort pertama di Kolej kami hanya akan bergraduat pada february 2015 nanti. Ini bermakna, sehingga Disember 2014 kami masih belum ada graduan. Sekiranya kami memasukkan data ke dalam sistem MyQUEST, adakah penarafan juga akan diberi nanti?	Secara asasnya, kolej masih belum memenuhi syarat kelayakan diberi penarafan MyQUEST. Walau bagaimanapun, aktiviti memasuk/mengemaskini data yang terbuka kepada semua kolej tidak bermakna kolej tersebut akan diaudit. Ini kerana sebelum audit dilaksanakan, saringan kelayakan akan dibuat dan hanya kolej yang dikenal pasti layak akan diaudit. Seterusnya, hanya kolej yang diaudit akan diberi nilai taraf dalam Penarafan MyQUEST.
10.	Adakah pelajar yang sedang mengikuti latihan industri dikategorikan sebagai pelajar yang aktif di Kolej ?	Ya, pelajar-pelajar yang sedang mengikuti latihan industri juga dikira sebagai pelajar aktif kolej kerana sepanjang tahun dinilai (2014), pelajar-pelajar tersebut masih lagi berada dalam semester pengajian.
11.	Mengapa bagi kategori <i>Resources-Financial</i> , penilaian terhadap penerimaan <i>endowment, grants & gift</i> perlu diambil kira sedangkan bukan mudah bagi sesebuah Kolej untuk menerima sumbangan-sumbangan tersebut ?	Penerimaan sumbangan merupakan simbolik kepada penghargaan dan kebolehpercayaan pihak luar terhadap nilai dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan. Justeru, penilaian kriteria ini berperanan mendorong dan menggalakkan pihak pentadbir institusi mempromosikan perkhidmatan kolej secara lebih kreatif dan proaktif.
12.	Sekiranya kelulusan program pengajian baharu telah diterima pada Nov/Dis 2014, adakah program ini perlu dimasukkan ke dalam sistem MyQUEST?	Ya, semua program-program baharu yang diluluskan pada tahun 2014 tidak terkecuali dari senarai program dinilai.
13.	Sekiranya Kolej mempunyai lesen KDN, tetapi masih belum ada pelajar antarabangsa sehingga Dis 2014, adakah penarafan bagi kategori Penarafan Perkhidmatan Pelajar Antarabangsa akan diberikan?	Ya. Semua Kolej yang memiliki lesen KDN pada tahun 2014 akan diberi nilai taraf bagi kategori Penarafan Perkhidmatan Pelajar Antarabangsa.

14.	Adakah pemberian berbentuk material/kelengkapan institusi yang diterima dari pihak luar boleh diambil kira sebagai <i>gift</i> ?	Ya, kerana gift tidak hanya terhad dalam bentuk wang. Pemberian dalam bentuk kelengkapan/material juga diambil kira. Cuma semasa melaporkan dalam sistem, pelaporan perlu diterjemah berdasarkan nilai pemberian tersebut.
15.	Bolehkan seorang <i>external assessor</i> digunakan untuk menilai 2 atau 3 program yang berbeza?	Boleh dengan syarat program yang dinilai merupakan bidang kepakaran <i>external assessor</i> tersebut dan pelaporan bagi setiap program perlu dibuat secara berasingan dan sempurna.
16.	Bagi program kerjasama, bolehkan <i>external moderator</i> dari institusi rakan kerjasama digunakan sebagai <i>external assessor</i> ?	Boleh sekiranya penilaian & pelaporan oleh <i>external moderator</i> merangkumi semua aspek termasuk kemudahan, peperiksaan dan kurikulum.
17.	Bolehkan <i>e-book</i> dan <i>e-journal</i> disenaraikan sebagai koleksi rujukan yang disediakan di Kolej?	Ya, asalkan capaian perkhidmatan <i>e-book</i> & <i>e-journal</i> tersebut dapat digunakan oleh semua pelajar.
18.	Adakah program pendek (<i>short courses</i>) akan diaudit?	Tidak, <i>short courses</i> tidak dinilai dalam penilaian MyQUEST. Bermakna ia tidak perlu disenaraikan dalam sistem MyQUEST. Hanya program MQF pada tahap 3 (sijil) sehingga tahap 8 (PhD) yang dinilai.
19.	Adakah Kolej boleh menggunakan perpustakaan luar dengan mengemukakan senarai rujukan di perpustakaan tersebut sebagai koleksi buku-buku rujukan di Kolej?	Boleh sekiranya pihak Kolej dapat membuktikan bahawa pelajar-pelajarnya boleh menggunakan perkhidmatan tersebut. Dokumen perjanjian atau resit bayaran yang relevan perlu dikemukakan semasa audit.
20.	Adakah kemudahan sukan di luar yang bukan milik Kolej boleh diambil kira sebagai kemudahan sukan yang disediakan oleh Kolej?	Boleh sekiranya pihak Kolej dapat membuktikan bahawa pelajar-pelajarnya boleh menggunakan perkhidmatan tersebut. Dokumen perjanjian atau resit bayaran yang relevan perlu dikemukakan semasa audit.
21.	Adakah Kolej dibenarkan memilih kluster tertentu sahaja untuk diaudit ?	Tidak dibenarkan. Semua kluster akan diaudit.
22.	Bolehkan individu dari Badan Professional dilantik sebagai <i>external assessor</i> ?	Bergantung kepada pengalaman individu tersebut. Namun, asasnya External assessor perlu dilantik dikalangan individu yang mempunyai kepakaran & pengalaman yang luas dalam bidang akademik program dinilai.
23.	Dalam penilaian kategori graduan, adakah anugerah yang diberikan terhad kepada graduan tahun 2014 atau merangkumi graduan dari tahun terdahulu ?	Semua graduan. Tetapi anugerah tersebut adalah anugerah yang diterima pada tahun 2014 sahaja.

Isu-isu *Student Satisfaction Index (SSI)*

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Kemasukan data SSI melibatkan pelajar di semester akhir/tahun akhir Januari 2015 atau semua pelajar yang akan bergraduat pada tahun 2015.	Untuk kemasukan data pelajar dalam sistem SSI, pelajar yang berada di semester akhir atau tahun akhir pada Januari 2015 sahaja yang terlibat.
2.	Adakah semua program pengajian yang ada di IPTS perlu dimasukkan dalam sistem SSI atau sekadar program yang ada <i>graduating student</i> sahaja? Dan bagaimana pula senarai program dalam sistem MyQUEST?	Hanya program yang mempunyai pelajar semester/tahun akhir perlu dikemaskini dalam SSI. Tetapi untuk sistem MyQUEST semua program yang masih dalam tempoh sah laku sebagaimana diluluskan oleh KPM perlu disenaraikan.
3.	Bila & berapa lamakah tempoh yang diberikan kepada pelajar untuk menjawab SSI?	Emel kepada pelajar akan dihantar dalam tempoh 2 minggu selepas sistem SSI ditutup dan tempoh pengumpulan maklum balas survey pelajar melalui emel tersebut juga adalah selama 2 minggu.
4.	Bolehkah kemasukan senarai pelajar ke dalam sistem SSI dibuat melalui kaedah <i>upload templete</i> berbanding <i>key in</i> secara individu ?	Boleh. Sistem SSI memberi pilihan kepada pihak kolej sama ada hendak <i>key in</i> senarai pelajar secara individu atau secara <i>upload</i> .
5.	Bagi sistem SSI, adakah pihak kolej hanya perlu masukkan data pelajar yang akan berada di kolej pada ketika audit dilaksanakan nanti?	Tidak. Semua pelajar yang sedang berada di semester akhir ketika tempoh kemaskini data (Januari 2015) perlu dimasukkan walaupun dijangkakan pada ketika audit nanti (April-Julai 2015) pelajar-pelajar tersebut telah bergraduat ataupun sedang menjalankan latihan praktikal di luar kolej.
6.	Adakah data SSI hanya untuk program yang matang atau keseluruhannya termasuk program yang baru dimulakan penawaran?	Bagi data SSI, hanya program yang mempunyai pelajar semester/tahun akhir perlu dimasukkan data.
7.	Setelah login ke sistem SSI, saya tidak dapat menggunakan/mengakses semua pautan di dalam SSI seperti <i>add new program, student, upload student</i> dan lain-lain. Mengapa keadaan ini terjadi?.	Maklumat ' <i>new programme</i> ' yang dimasukkan perlu dilengkapkan terlebih dahulu dengan mengisikan semua <i>Broad Field</i> untuk setiap program. <i>Broad Field</i> setiap program adalah WAJIB. Jika tidak, user tidak dibenarkan untuk mengisi bahagian-bahagian lain dalam sistem tersebut.
8.	Terdapat icon " <i>Student</i> " dan " <i>Upload Student</i> " apabila membuka sistem SSI. Sekiranya pihak kolej membuat pilihan " <i>Upload student</i> " perlukah data pelajar dimasukkan juga dalam " <i>student</i> ". Atau kami boleh pilih salah satu cara?	Pihak kolej hanya perlu memilih salah satu cara iaitu sama ada hendak mengemaskini data pelajar secara berkelompok melalui butang ' <i>Upload Student</i> ' atau <i>key in</i> secara individu melalui butang ' <i>student</i> '.

9.	Sekiranya kolej tidak mempunyai pelajar semester akhir untuk diisi dalam SSI, adakah Kolej dibenarkan untuk tidak terlibat dalam kemasukan data SSI?	Tidak boleh. Sekiranya maklumat SSI tidak dilengkapkan, kolej akan kehilangan markah penilaian pelajar bagi kriteria 5.3 : <i>Student Satisfaction Index(SSI)</i> dalam sistem MyQUEST. Justeru, pihak Kolej perlu menggunakan senarai pelajar yang sedang belajar di tahun akhir. Sekiranya tiada juga, bolehlah menggunakan senarai pelajar mengikut intake yang paling <i>senior</i> .
10.	Adakah pelajar semester yang sedang mengikuti latihan industri perlu disenaraikan juga dalam SSI?	Ya, pelajar-pelajar yang sedang mengikuti latihan industri dan sedang berada dalam semester/tahun akhir perlu disenaraikan.
11.	Pelajar-pelajar yang baru sahaja menamatkan semester akhir pada Dis 2014 tetapi masih belum konvo, adakah perlu disenaraikan dalam SSI ?	Tidak perlu kerana pelajar tersebut telahpun dianggap bergraduasi. SSI hanya untuk yang bakal bergraduasi (melengkapkan semester pengajian) pada tahun 2015.
12.	Adakah wajib bagi setiap pelajar memberi maklum balas <i>survey</i> SSI ?	Tidak wajib namun peratusan maklumbalas pelajar akan mempengaruhi kelayakan markah. Justeru, pihak Kolej disarankan memantau jumlah minimum <i>responses</i> berpandukan Jadual <i>Kregie&Morgan</i> sebagaimana diterangkan dalam bengkel yang lalu.
13.	Adakah Kolej akan dimaklumkan status maklumbalas pelajar setelah emel kepada pelajar dihantar oleh Kementerian ?	Ya, Kolej boleh menyemak status maklum balas pelajar dalam bentuk peratusan <i>responses</i> di portal MyQUEST dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penghantaran emel tersebut.